

ARKIB : 03/12/2010

Pokok mengkuang berbuah durian?

YAN 2 Dis. - Seorang warga emas di Kampung Sedaka Tengah di sini terkejut apabila mendapati pokok mengkuang yang ditanamnya sejak 13 tahun lalu mengeluarkan lima biji buah berbentuk seperti durian.

Pokok setinggi kira-kira 10 meter itu mula berbuah sejak empat hari lalu dan kini menjadi tumpuan penduduk kampung yang ingin melihat keunikannya dari dekat.

Pemilik pokok tersebut, Fatimah Osman, 63, berkata, dia mengambil benih pokok mengkuang tersebut di kaki Gunung Jerai.

"Pokok ini tidak pernah berbuah sebelumnya dan saya sendiri tidak sangka ia kini mengeluarkan buah berbentuk seperti durian.

"Dahulu saya selalu mengambil daun pokok ini untuk dianyam menjadi tikar, namun kini pokok ini menjadi tinggi dan sukar untuk saya mengambil daunnya," katanya di sini hari ini.

Menurutnya, sebelum ini anaknya ingin menebang pokok tersebut namun dibantah olehnya kerana sayangkan pokok tersebut.

"Ada juga orang yang meminta saya mengambil buah tersebut untuk melihat isinya, namun saya tidak benarkan kerana saya mahu lebih ramai orang melihat buah ini di atas pokok tersebut," katanya.

Tambah Fatimah, mungkin secara kebetulan pokok itu mengeluarkan buah seperti durian.

"Saya sendiri tidak pernah tengok buah mengkuang, mungkin kebetulan buahnya mempunyai persamaan dengan buah durian," katanya.



Buah mengkuang seakan-akan durian di Kampung Sedaka Tengah, Yan, Kedah.